

 <p>An agency under MOSTI</p>	Country	Malaysia
	Publication	myMetro
	Date	16 January 2015
	Website URL	http://www.hmetro.com.my/node/24131



MOSTI cadang beli 30 mesin penapis air mudah alih

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bercadang membeli 30 mesin penapis dan membersihkan air mudah alih bernilai RM12 juta untuk kegunaan mendapatkan bekalan air bersih mangsa bencana alam khususnya banjir.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, alat yang menggunakan teknologi membran itu dibangunkan sekumpulan penyelidik di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sejak 1998 menggunakan peruntukan MOSTI RM700,000.

“Mesin ni berupaya menyedut air daripada pelbagai sumber seperti banjir, sungai dan perut bumi sebelum ia diproses menghasilkan air bersih yang selamat diminum 2,000 hingga 3,000 orang setiap mesin.

“Ia seberat satu tan dan boleh diangkat menggunakan lori muatan satu tan untuk ditempatkan di mana-mana saja dan MOSTI melihat keperluan ini penting membantu mangsa banjir seperti yang berlaku baru-baru ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penghargaan Media CyberSecurity Malaysia 2014 di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Jeneral (B) Tan Sri Mohd Azumi Mohammed dan Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata, mesin itu diuji di Pekan, Pahang, kelmarin dan mendapati penggunaannya memberansangkan bukan saja boleh digunakan pada waktu banjir, malah ketika kemarau.

“Mesin berharga RM400,000 sebuah yang menggunakan sepenuhnya teknologi tempatan ini mampu membunuh bakteria membuatkan air sungai atau yang digali dari bawah tanah selamat diminum.

“Ia mendapat 100 anugerah dari seluruh dunia dan harga yang dibeli itu mengambil kira kos penyelenggaraan lima tahun bagi mengelak masalah,” katanya.